

Tutusan Sarawak

TuanKu Muhriz berkenan rasmi Dewan TuanKu Canselor USIM

NILAI: Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan TuanKu Muhriz Almarhum TuanKu Munawir semalam berkenan merasmikan Dewan TuanKu Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini.

Turut berangkat ialah Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan TuanKu Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud, yang juga merupakan TuanKu Canselor USIM.

Hadir sama Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan dan Naib Canselor USIM Professor Datuk Dr Musa Ahmad.

Dewan TuanKu Canselor USIM yang sebelum ini dikenali sebagai Dewan Besar USIM, dibina di atas tanah berkeluasan 5.99 hektar dengan kos sebanyak RM43.5 juta dan siap pembinaannya pada Ogos tahun lepas.

Reka bentuk keseluruhan bangunan ini menerapkan nilai-nilai reka bentuk Islam bagimencerminkan matlamat serta misi USIM untuk menjadi sebuah pusat pengajian Islam yang progresif serta maju dalam bidang sains dan teknologi.

Ruang utama dewan tersebut dapat memuatkan sejum-



RASMI: TuanKu Muhriz berkenan mencemar duli menyaksikan TuanKu Aishah Rohani menandatangani plak perasmian Dewan TuanKu Canselor USIM di Nilai semalam. — Gambar Bernama

lah 5,000 orang pada satu-satu masa.

Dalam majlis yang sama, TuanKu Muhriz turut berkenan melancarkan Buku Integrasi Naqli Aqli yang ditulis oleh setiap fakulti di universiti tersebut iaitu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Fakulti Syariah dan Undang-

undang, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan Fakulti Pergigian.

Buku ini menghuraikan peringkat-peringkat perkembangan USIM dalam menintegrasikan konsep Naqli dan Aqli menerusi empat peringkat iaitu Mustawa al-Nursus (penghaya-

tan), Mustawa al-Muqararah (perbandingan), Mustawa al-Taqyim (adaptasi) dan Mustawa Tafiqquh (integrasi).

Baginda TuanKu Muhriz turut berkenan melihat pembangunan sekitar kampus USIM dan melawat dan melihat lebih dekat kemudahan pembelajaran dan pengajaran di FKP dan Kolej PERMATA Insan. — Bernama